



Headline	TNB lepas peluang jadi pendahulu		
MediaTitle	Kosmo(www.kosmo.com.my)		
Date	31 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	400
Page No	10	Readership	7
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 680
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,040

TNB lepas peluang jadi pendahulu

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8482331931&z=1600249592](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8482331931&z=1600249592)

Oleh NOR AZIRAN YUNUSaziran.yunus@kosmo.com.my PASUKAN Tenaga Nasional Berhad (TNB) melepaskan peluang terbaik untuk menjadi pendahulu Liga Hoki Malaysia TNB (TNBMHL) 2013 apabila sekadar mencatat keputusan seri 1-1 menentang Sapura di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam. Pertemuan antara TNB-Sapura itu merupakan satu-satunya aksi Liga Perdana yang berlangsung semalam dan pada hari sebelumnya, TNB berjaya membawa pulang tiga mata penuh apabila menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 4-2. Pada perlawanan tersebut, TNB dua kali mendahului Sapura, namun mereka gagal memanfaatkan peluang bagi memperoleh mata penuh apabila Sapura berjaya bangkit menyamakan kedudukan. TNB bermula garang apabila kaptennya, Muhamad Amin Rahim berjaya menyempurnakan pukulan sudut penalti pada minit ketiga. Tersentak dengan gol awal itu, pemain-pemain Sapura mula mengatur serangan dan peluang terbaik mereka hadir empat minit selepas itu apabila dihadiahkan pukulan sudut penalti namun Megat Azrafiq Megat Tarmizi gagal menampun kemas bola hantaran Izwan Firdaus Ahmad Tajuddin. Bagaimanapun, jentera serangan TNB yang dikemudi oleh Faizal Saari dan Muhammad Firhan Ashaari turut melancarkan serangan balas ke kubu lawan selepas itu, namun mereka juga gagal menembusi gawang Sapura yang dikawal oleh Mohd. Hairi Abdul Rahman. Akhirnya, peluang kedua menerusi pukulan sudut penalti yang diperoleh Sapura tidak dipersia-siakan apabila Khasif Ali tenang menyempurnakannya untuk gol penyamaan Sapura pada minit ke-30. TNB melangkah ke bilik persalinan dengan perasaan lega apabila Faizal Saari berjaya menyempurnakan peluang terhidang dua minit sebelum perlawanan berhenti berehat dengan TNB mendahului 2-1. Kedua-dua pasukan melancarkan serangan bertali arus sebaik babak kedua bermula, namun masih gagal mendapat gol tambahan. TNB mendapat tiga pukulan sudut penalti, namun kesemuanya berjaya dipatahkan oleh benteng pertahanan Sapura. Khasif Ali muncul wira Sapura dia menjaringkan gol penyamaan buat pasukannya pada minit ke-54 menerusi pukulan sudut penalti yang gagal ditampun penjaga gol TNB, S. Kumar untuk keputusan muktamad 2-2. Sementara itu, hari ini pendahulu liga, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) akan turun menentang Nur Insafi Warriors, Maybank bertemu UniKL dan Terengganu Hockey Team menghadapi Sapura. KEBANYAKAN pelajar berasal dari Vietnam, Bangladesh, Filipina dan Selatan Thailand.